

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan status pembinaan Hospital Petra Jaya Sarawak dan Klinik Kesihatan Tabuan Jaya. Jangka masa siap, pelan terkini serta syarikat-syarikat yang terlibat. Apakah sebab projek tersebut ditangguhkan dan tender dibuat sekali lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Projek Hospital Petrajaya (300 katil) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).** Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR Malaysia) dengan Fasa Pembinaan bermula pada 30 Mei 2013 dan dijadualkan siap pada 30 Jun 2018. **Walau bagaimanapun berikutan prestasi kemajuan projek yang tidak memuaskan, JKR Malaysia telah mengeluarkan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor kepada Zecon Berhad pada 2 Ogos 2018.**

2. Projek Menyiapkan Baki Kerja Terbengkalai Hospital Petrajaya dilaksanakan secara Tender Terbuka oleh JKR Malaysia. Taklimat Tender dan Lawatan Tapak telah berlangsung pada 12 Februari 2019 dengan tender ditutup pada 24 April 2019. Walau bagaimanapun, disebabkan tiada petender yang layak, maka Kementerian Kewangan

Malaysia (MOF) melalui surat pada 26 Ogos 2019 memutuskan supaya **projek ini ditender semula secara Tender Terbuka (Pra Kelayakan) di kalangan syarikat yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Kod Bidang B29 (Kerja Bangunan Kesihatan) serta mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap** bagi pelaksanaan projek terbengkalai sebelum ini.

3. Kini, projek ini **sedang berada di fasa perolehan kepada para petender yang telah lulus di peringkat pra kelayakan dan tarikh tutup tender ialah pada 7 Ogos 2020**. Projek kini berada dalam peringkat penilaian tender dan Surat Setuju Terima (SST) dijadualkan pada Januari 2021.

4. Bagi projek Klinik Kesihatan (Jenis 2) Tabuan Jaya, Kuching, ianya **telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) dengan Anggaran Kos Projek adalah sebanyak RM40 juta**. Projek ini dilaksanakan secara Tender Terbuka oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKRS). Proses perolehan projek ini juga telah dilaksanakan di mana Tarikh Tutup Tender adalah pada 25 Februari 2019.

5. Walau bagaimanapun, **Lembaga Tender Pusat Persekutuan Sarawak (FCTB) pada 15 Januari 2020 menetapkan agar projek ditender semula kerana kelewatan surat persetujuan pelanjutan tempoh sah laku tender daripada petender yang berjaya**. Jangkaan tender terkini adalah pada November 2020. Tarikh jangka Surat Setuju Terima (SST) projek ini adalah pada Mei 2021 dan dijangka mengambil masa 30 bulan untuk dibina.

6. Kementerian Kesihatan Malaysia Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar dan sentiasa berusaha menambahbaik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk Sarawak.

Sekian, terima kasih.